



FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT

KERTAS KERJA

Projek Tahun Akhir Keusahawanan

Oleh

**PENOLONG DEKAN
KEUSAHAWANAN DAN KREATIVITI (PDKK)**

1. PENGENALAN

Kursus keusahawanan telah diperkenalkan di peringkat Universiti bermula pada 2003. Hasrat universiti, berdasarkan panduan Kementerian Pendidikan Tinggi, adalah untuk melahirkan usahawan terutama dalam bidang teknologi maklumat. Pihak KPT menyasarkan 5% graduan menjadi usahawan menjelang 2025. Pihak Universiti telah menyasarkan 15% graduan dari pelbagai fakulti melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

2. OBJEKTIF

Tujuan program ini ialah untuk menggalakkan pelajar dan kakitangan melibatkan diri dalam projek tahun akhir yang melibatkan kegiatan keusahawanan dan berpotensi untuk dikomersialkan. Untuk peringkat awal, penumpuan adalah kepada projek berasaskan teknologi seperti pembangunan aplikasi mudah alih. Program ini menyediakan laluan yang boleh digunakan oleh pelajar dan kakitangan dalam kegiatan keusahawanan mereka.

Program ini tidak menggantikan projek tahun akhir. Ia adalah program bersama projek tahun akhir untuk memudahkan kegiatan keusahawanan dikalangan pelajar. Pelajar akan dibimbing dalam kaedah keusahawanan melalui bengkel dan kursus pendek.

Tujuan ke dua adalah untuk menghala pelajar kepada penglibatan dalam InnoFarm, iaitu inkubator teknologi FTSM.

3. PERMOHONAN

Permohonan adalah seperti berikut:

- 3.1 Terbuka kepada semua pelajar dan penyelia projek Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat.
- 3.2 Projek tahun akhir adalah berbentuk pembangunan sistem seperti aplikasi mudah alih. Aplikasi ini boleh dari pelbagai kategori.
- 3.3 Penyelia projek akan memaklumkan kepada Dekan Inovasi dan Keusahawanan jika projek yang diselia berpotensi untuk dibangunkan dan dikomersialkan. Ini ialah untuk tujuan rekod dan pencapaian KPI keusahawanan fakulti.

4. PELAKSANAAN

Pelaksanaan program melibatkan 4 fasa. Pada Fasa 1, program akan mengadakan beberapa bengkel keusahawanan berasaskan teori pemikiran reka bentuk (*design thinking*). Fasa 2 melibatkan latihan industri dan Fasa 3 melibatkan pembangunan selanjutnya di InnoFarm.

Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3
Semester 1 – Projek Tahun Akhir	InnoFarm	Pengkomersialan
Empati (1 bulan)	Pembangunan Sistem	
Fokus/Jelas (1 bulan)	Pengujian pasaran	(6 bulan)
Membina Idea (1 bulan)		

Rekabentuk (1 bulan) Bicara tuntas (4 bulan)	(6 bulan)	
Semester 2 – Projek Tahun Akhir Prototaip (3 bulan) Pengujian (1 bulan) Bicara tuntas (4 bulan)		

4.1 FASA 1

Dalam Fasa 1, program akan mengadakan 4 bengkel pendek untuk memperkenalkan kaedah pemikiran reka bentuk dalam keusahawanan. Bengkel akan dikendalikan oleh kakitangan FTSM atau pensyarah jemputan dari luar.

Semester 1

	Tajuk	Masa	Fasilitator
Bengkel 1	Pemikiran reka bentuk - Empati	2 jam	
Bengkel 2	Pemikiran reka bentuk - Fokus	2 jam	
Bengkel 3	Pemikiran reka bentuk - Idea	2 jam	
Bengkel 4	Pemikiran reka bentuk - Prototaip	2 jam	

Semester 2

	Tajuk	Masa	Fasilitator
Bengkel 1	Pemikiran reka bentuk - Prototaip	2 jam	
Bengkel 2	Pemikiran reka bentuk - Pengujian	2 jam	
Bengkel 3	Pemikiran reka bentuk - Pemasaran	2 jam	

Fasa 1 dan semester 1 adalah penting untuk pelajar mengenal pasti masalah (empati) dan untuk fokus pada satu masalah yang boleh diselesaikan. Pelajar akan memetakan idea pada kanvas model perniagaan (BMC) seterusnya menyiapkan rekabentuk (antaramuka) sistem yang akan dibangunkan

Pada Fasa 1 dan Semester 2 pelajar akan membangunkan prototaip dari rekabentuk yang telah dikenalpasti dan membuat pengujian sistem dan pasaran bagi mengenalpasti penerimaan pasaran pada sistem/produk yang telah dibangunkan

4.3 FASA 2

Pelajar akan menyertai InnoFarm untuk membangunkan sistem yang telah ditambahbaik dan sesuai untuk tujuan pengkomersialan.

4.3 FASA 3

Pelajar akan memasuki pasaran.

5. JARINGAN

Program ini akan melibatkan jaringan luar. Ia berpotensi untuk menghubungkan pelajar dan fakulti dengan rakan industri. Antara cadangan jaringan dan rakan industri adalah;

- CESMED, UKM
- MAGIC, Putrajaya
- Industri

6. IMPLIKASI DANA

Projek potensi yang dijalankan boleh digunakan untuk memohon dana dari pihak UKM atau pihak luar. Juga, terdapat dana luar yang boleh dipohon oleh pelajar untuk pembangunan aplikasi.

7. HARTA INTELEK

Tertakluk kepada akta UKM.